

SEJARAH DAN ADAT LINGGI

oleh

Mohamad Ali bin Haji Abdul Aziz

Universiti Malaya
Kuala Lumpur
Disember, 1960

SEJARAH DAN ADAT LINGGI

Latchan Ilmiah

Untuk Memenuhi Keperluan Kelulusan

B.A. (Honours)

Jabatan Pengkajian Melayu

oleh

MOHAMAD ALI BIN HAJI ABDUL AZIZ

UNIVERSITI MALAYA
DI KUALA LUMPUR

DECEMBER, 1960

SEPATUH KATA

Salah satu 'adat yang di'adatkan oleh orang tua-tua dahulu ialah
 TUJUAN 'Adat Linggi. 'Adat ini dipakai di Kampong Linggi iaitu sebuah ,
 kampong orang-orang Melayu yang berketurunan Bugis Riau. Letaknya
 kampong itu ialah di selatan Negri Sembilan.

Kononnya 'Adat Linggi yang dipakai sekarang ialah satu 'adat yang sudah
 diubah oleh mereka-mereka yang chenderong kepada 'Adat Perpatih. Perubahan ini
 sungguh menarik — menarik kerana adanya gulungan waris-waris Linggi yang ter-
 pengaruh oleh 'Adat Perpatih, — menarik kerana adanya perubahan dikalangan
 masyarakat Linggi sendiri. Tujuan saya ialah hendak menggambarkan 'Adat Linggi
 dahulu dan sekarang sebagai satu pengkajian mengenai masyarakat 'adat dan juga
 hendak menentukan perubahan-perubahan serta masa perubahan itu dilakukan.

Pengkajian ini adalah terbahagi dua iaitu yang pertama ialah
 CARA PENGKAJIAN bahagian sejarah yang berasaskan dua sumber iaitu, pertama, dari
 buku-buku yang ditulis oleh orang-orang ternama, teristimewa ,
 Raja Ali al-Haj, T. J. Newbold, R. J. Wilkinson, R. O. Winstedt dan J. M. Gullick,
 dan kedua, dari hasil penyiasatan saya yang telah saya bandingkan dengan tulisan-
 tulisan orang ternama itu. Bahagian ini, rasa saya, adalah berguna untuk memahami
 bahagian kedua iaitu 'Adat Linggi yang berasaskan semata-mata hasil penyiasatan
 saya sendiri.

Didalam masa menyediakan latehan ini saya telah menemui beberapa
 BERTERIMA KASIH orang tua-tua Linggi dan kepada merekalah saya ucapkan sebanyak
 terima kasih, terutamanya kepada Dr. Mohd. Said bin Mohamad,
 Menteri Besar Negri Sembilan, Che'Gu Abdul Samad bin Zainuddin, Dato' Panglima Perang
 Linggi, dan Inche' Yahya bin Abu, Dato' Muda Linggi. Kepada Tuan Mohd. Yusof bin
 Darus, Pegawai Daerah Port Dickson, yang telah meminjamkan saya buku Undang-Undang

Tubuh Kerajaan Negri Sembilan 1959, dan juga kepada Tuan Haji Zainal 'Abidin bin Ahmad dan Tuan Haji Abdul Aziz bin Haji Mohd. Khamis yang telah memberi saya banyak dorongan dan petunjuk, saya ucapkan terima kasih.

Akhirnya ucapan terima kasih saya adalah ditujukan kepada Tuan M. G. Swift yang telah membimbing saya dari awal hingga akhir pengkajian ini.

Mohamad Ali bin Haji Abdul Aziz.

Universiti Malaya di Kuala Lumpur,
December, 1960.

K A N D U N G A N

	Muka
SEPATAH KATA	i
BAB I - PENDAHULUAN	1
BAB II - SEJARAH LINGGI	3
BAB III - 'ADAT LINGGI	21
BAB IV - PENTADBIRAN 'ADAT	33
BAB V - PEMBESAR PEMBESAR LINGGI	38
BAB VI - PERTIKAIAN 'ADAT DI LINGGI	44
BAB VII - PENUTUP	52
RENGKASAN (Inggeris)	57

PENGHUJUNGAN:

1. PETA LINGGI
2. PETA NEGRI SEMBILAN
3. SURAT IKHRAR WARIS-WARIS LINGGI
4. ASAL USUL DATO' MUDA
5. ASAL USUL ORANG LINGGI
6. SUMBER BACHAAN

PEMBESARAN-PEMBESARAN LINGGI

1. Dato' Muda Linggi.

Dato' Muda itu ialah lambang 'adat isti'adat di Kampong Linggi. Selama lima puluh tahun sebelum tahun 1874, Dato' Muda telah membantu Dato' Kelana Sungai Ujong menentang Dato' ShahBandar¹ walau pun ia pernah bertengkar dengan Dato' Kelana. Ia pernah juga menanda-tangani perjanjian tahun 1874 sebagai seorang Penghulu yang merdeka. Dalam tahun 1776 ia dijadikan ahli Dewan Negri Sungai Ujong. Dalam tahun 1877 pula ia telah mengambil bahagian yang penting dalam perundingan tentang Simpang Linggi dan lagi dalam tahun 1883 ia telah menurunkan tanda-tangannya didalam perjanjian Rembau.²

Dato' Muda Linggi tidak pernah datang mengadap Dato' Kelana semasa Hari Raya Puasa dan tidak juga hadir dalam temasha-temasha besar yang lain seperti lembaga-lembaga didalam Sungai Ujong. Ia dikatakan "tiada ber'adat kedudukannya".³

1.1. Chara berlantikan Dato' Muda.

Sehingga tahun 1932 tidak ada apa-apa persetujuan tentang atoran berperut atau pun tentang peratoran bagi melantek ganti Dato' Muda. Oleh itu tiadalah dipakai atoran bergeler itu sebagai satu perbuatan yang ditetapkan melainkan dengan jalan bermafakat dan kebulatan sahaja, iaitu apabila mati Dato' Muda, segala waris yang tua-tua berkebulatan serta memilih seorang daripada mereka yang layak untuk dijadikan ganti Dato' Muda seperti kata pepatah 'adatnya:

"Berganti mati berkebulatan,
berganti hidup berkeredaan serta kebulatan.

atau

Ganti hidup keredaan,
ganti mati kerapatan."⁴

1. Pada masa itu Linggi belum 'beremakkan' Dato' ShahBandar Sungai Ujong.

2. Sungai Ujong oleh J. M. Gullick dlm JMERAS jld 22 bil 2(1949) ms.60.

3. Ibid ms.61.

4. Dari sini hingga akhir bab ini adalah hasil pertemuan saya dengan Dr. Mohd. Said dan To' Perang Abdul Samad.

Apabila kebukuan kerapatan segala waris yang tua-tua itu sudah didapat baharulah dihabarkan kepada To' Besar minta disampaikan ganti Dato' Muda itu serta kebulatannya sekali kepada Dato' Bandar. Kemudian Dato' Bandar menyembahkannya kepada Dato' Kelana untuk disahkan.

Demikianlah peratoran yang dipakai didalam Linggi dari dahulu hingga sampai kepada masa menjadikan Dato' Muda Haji Mohd. Peral iaitu dalam tahun 1870.

1.1.1. Dalam tahun 1893 pula iaitu sesudah Haji Mohd. Peral meninggal dunia kebulatan segala waris untuk melantek ganti Dato' Muda tidak dapat dichapai. Oleh itu segala waris Linggi telah berkebulatan untuk memulangkan hal perlantekan itu kepada ibu-bapa. Dengan itu ibu-bapa berkuasa penuh untuk memilih sesiapa sahaja asalkan ganti Dato' Muda itu seorang daripada waris Linggi, baik To' Besar atau pun orang kebanyakan. Walau bagaimana pun To' Besar itu tidak boleh dianggap sebagai bakal Dato' Muda Linggi, kerana tidak ada "turus teladannya" dan lagi tiada didengar daripada orang tua-tua Linggi. Apa-apa hal pun Dato' Muda hendaklah ditimbulkan dahulu.

1.1.2. Dato' Muda Mohd. Bustam meninggal dunia dalam tahun 1912 dan lantekan bagi gantinya telah tergendala kerana adanya perpechahan¹ dikalangan waris Linggi masa itu. Oleh sebab itu jawatan Dato' Muda itu telah terhenti selama dua puluh tahun. Dengan usaha dan siasatan Che' Gu Hassan bin Pok maka dapatlah satu susunan pesaka Linggi yang chuma mengambil asal Dato' Muda daripada Dato' Muda Mohd. Attas. Jika diperhatikan tumbuhnya pembesar-pembesar Linggi dalam susunan itu ada jua irasnya dengan 'Adat Perpateh². Dengan berasaskan siasatan itu Dato' Kelana Tua (Mendiang) telah menetapkan tiga perut berhak untuk menyandang pesaka Linggi itu sechara bergeler dan oleh kerana Dato' Muda Haji Mohd. Peral itu tempatnya telah diambil daripada anak To' Awaludin yang laki-laki maka bagi pehak Perut Pengkalan iaitu perut yang ketiga bolehlah diambil anak laki-laki

1. Lihat ms.27 hal.3 dlm. Lat. Ilm. ini.

2. Ibid. ms.28 hal. 10-11.

dan perempuan mengilut sebagaimana permulaannya. Langkah yang dibuat oleh Dato' Kelana Tua itu ialah untuk menyelesaikan pertikaian yang telah berpanjangan itu dan juga untuk menyenangkan lantekan ganti pembesar-pembesar Linggi dikemudian hari kelak. Sejak tahun 1932 atoran berperut dan bergeler itulah yang dipakai bagi melantek Dato' Muda hinggalah hari ini.

1.2. Sharat menjadi Dato' Muda.

Dalam Bab III ada dibangkitkan soal waris Linggi.¹ Pada masa dahulu orang Linggi tidak bersuku, tidak berperut dan tidak berlenbaga. Oleh yang demikian geleran berperut bukannya atoran membuat Dato' Muda, dan juga perut atau geleran bukannya satu sharat untuk menentukan ganti Dato' Muda.

Dato' Muda itu bukannya satu kebesaran yang 'diberi-beri' sahaja, tetapi ialah satu pangkat yang 'dipinjamkan' oleh waris kepada calon Dato' Muda kerana sebab-sebab yang tertentu. Sebab-sebab inilah yang dijadikan sharat untuk membuat Dato' Muda itu iaitu:

- (a) kaya, supaya dapat ia membeli senjata dan memelihara Linggi daripada musuh.
- (b) berakal dan bijak, supaya serang ia menjalankan keadilan didalam pentadbirannya.
- (c) baik dan tiada chedera.
- (d) pemurah dan tiada keras hati kepada segala saudara maranya yang ada tegasnya waris Linggi.

(e) sudah umur orangnya, dan

(f) disetujui segala waris; sharat yang keenam ini mesti ada kalau

tidak seseorang waris itu tidak dapat dijadikan Dato' Muda walau pun ia sudah memenohi sharat-sharat yang lain itu, melainkan jika lantekan itu sudah dipulangkan kepada ibu-bapa.

Sharat-sharat yang diatas dipakai orang semasa Linggi dibawah pemerentahan sendiri. Tetapi sesudah tahun 1874 Linggi masuk bernaong dibawah bendera Inggeris, kekayaan tidak lagi menjadi ukuran kelayakan seseorang waris itu,

1. Ibid. ms. 24 hal.13 Cheraian 1.5.

Kerana menurut perjanjian kerajaan Inggeris sedia memelihara Linggi daripada segala musuh. Yang penting sekarang ialah kepandaian dan kebijaksanaan seseorang itu dan juga persetujuan waris yang bulat bak telur terkupas.

1.3. Lain-lain perkara tentang Dato' Muda.

Perkara seperti penchen¹ dan kuasa² Dato' Muda sudah dibinchangkan.

Dato' Muda boleh membuat Orang Besarnya iaitu diatas dua syarat, pertama dengan kebuktan segala waris yang tua-tua dan kedua sesudah menerima kebulatan segala waris untok memulangkan perkara lantekan Orang Besar itu kepadanya. Lantekan itu dijalankan oleh Dato' Muda di Balainya iaitu dirumahnya dan oleh yang demikian Dato' Mudalah ditimbulkan dahulu.

1.3.1. Dahulu Dato' Muda ada mempunyai mohor dan ada memakai kebesaran seperti pakaian Melayu chukup dengan kerisnya, tombak benderang dan payong. Alat kebesaran ini sudah hilang dan tiada siapa yang tahu bila dan bagaimana alat-alat itu hilang.³

1.3.2. Sesudah disahkan oleh Dato' Kelana, Dato' Muda Linggi dikehendaki mengadakan "kerjan" bagi dirinya iaitu satu keramaian di rumah Dato' Muda sendiri. Pada masa itu salasilah dibachakan dan keramaian itu dijamu sechara besar-besaran⁴ serta disaksi oleh Undang. Pada masa inilah pembesar-pembesar Linggi melayan ibu-bapa.

2. Orang Besar Dato' Muda.

Didalam Linggi ada tiga orang Orang Besar iaitu

Dato' Panglima Besar,
Dato' Panglima Perang, dan
Dato' Laksamana.

Orang Besar ini bukannya ketua perut tetapi ialah pegawai dibawah Dato' Muda.

1. Lihat ms. 25 hal. 21-26 dlm. Lat. Ilm. ini.

2. Ibid. ms. 33 hal. 17-23

3. Ini diterangkan oleh To' Perang Abdul Samad. Tetapi mengikut To' Muda Yahya kebesaran itu masih lagi dipakai sekarang dan pada masa pertemuan saya dengannya kebesaran itu belum lagi disiapkannya.

4. Menurut kata To' Muda Yahya sekurang-kurangnya \$1,000/- dibelanjakan.

Pangkat Orang Besar itu timbul semasa Haji Mohd. Salleh menjadi Dato' Muda Linggi iaitu dari tahun 1850 sampai tahun 1870. Masa itu Linggi tengah ~~sejak~~ sebagai sebuah wilayah militari.

Lantekan Orang Besar itu tidaklah mengikut atoran berperut dan bergeler seperti yang dipakai sejak tahun 1932 itu. Didalam masa Syed Ahmad menjadi Dato' Muda dahulu ia telah menjadikan To' Perang dengan tidak mengikut geleran berperut dan juga To' Perang Abdul Samad itu ialah anak pesaka iaitu daripada keturunan waris sebelah laki-laki dan bukannya waris iaitu daripada keturunan waris perempuan.

Sesiapa waris Linggi boleh memegang jawatan Orang Besar itu jika diperseetujui segala waris yang tua-tua. Orang Besar itu dibuat di Balai Dato' Muda iaitu rumahnya.¹ Dan Dato' Perang bukannya bakal Dato' Besar. Begitu jugalah dengan Dato' Lak; dia bukannya bakal Dato' Perang kerana tiada "turus teladannya".

2.1. Dato' Panglima Besar.

Seperti yang telah dikatakan² Dato' Panglima Besar ialah ketua waris, tuan rumah dan juga menteri kepada Dato' Muda Linggi. Dia boleh menjadi ganti Dato' Muda tetapi dia tidak semestinya bakal Dato' Muda.

Seperti Dato' Muda kebulatan segala waris menentukan Dato' Besar. Apabila mati Dato' Besar, berkebulatanlah orang-orang Linggi mencharikan gantinya. Jika dapat kebulatan itu dibawahah kepada Dato' Muda untuk disahkan. Jika tidak dapat, perlantekan itu dipulangkan kepada Dato' Muda. Sekarang lantekan itu adalah mengikut 'Adat Perpatih iaitu mengikut geleran berperut dan kebulatan iaitu menchukupilah dengan kebulatan segala waris yang seperut.

2.2. Dato' Panglima Perang.

Dato' ini melayan orang kerjanya dan dia berkuasa untuk menengok dan menyelesaikan perkara yang kecil-kecil. Dia ini 'tongkat sokong' kepada

1. Lihat ms. 41 hal. 9 dlm. Lat. Ilm. ini.

2. Ibid. ms. 35 hal. 2 Cherajian 1.2

• dan ms. 35 hal. 5 Cherajian 1.2.1.

Dato' Panglima Besar dan apa-apa perkara yang tidak terbuat diserahkan kepada Dato' Panglima Besar.

Dato' Perang ini ditugaskan untuk menchari kebulatan segala waris yang tua-tua yang ada didalam Linggi bila hendak menegakkan pesaka. Kemudian baharulah diserahkan kebulatan itu kepada Dato' Besar untuk disampaikan kepada ibu-bapa.

Lantekan Dato' Perang adalah menurut kebulatan segala waris tetapi sekarang 'Adat Perpatehlah atorannya.

2.3. Dato' Laksamana.

Dato' Laksamana ini menjadi 'mata telinga' kepada Dato' Muda dan Dato' Kelana. Dialah yang melihat dan menyiasat hal-hal didalam Linggi dan bersama Dato' Besar dan Dato' Perang disampaikan hal itu kepada Dato' Muda yang akan membawanya pula kepada ibu-bapa. Sebagai 'tongkat sokong' Dato' Besar, dia boleh menengok dan menyelesaikan perkara-perkara kecil.

Lantekannya ialah mengikut chara maafakat dan kebulatan tetapi sekarang 'Adat Perpateh menjadi atorannya.

Ketiga-tiga Orang Besar ini dipandang sebagai 'ibu-bapa'¹ oleh waris Linggi, kerana kepada dan menerusi merekalah segala waris mengadu dan merayu keatas. Untuk penjelasan tentang penchen dan kuasa Orang Besar ini, silalah lihat dalam bab-bab 1 dan 2.

1. Ibid. mas. 36 hal. 3 Cheraian 1.2.2.

7. Pada masa yang akan datang, perbalahan tetap akan berlaku selagi ada perkara rebut merebut itu dikalangan anak-anak Linggi. Atoran berperut itu ialah satu peratoran yang telah ditetapkan oleh Dato' Kelana Tua untuk menegakkan pesaka. Tetapi pembahagian orang-orang Linggi kepada tiga gulongan itu menghalang berpuluh-puluh anak Linggi daripada menyandang pesaka walau pun mengikut atoran berperut itu.

Oleh kerana itu eloklah perkara bedza membedza itu diselesaikan dahulu oleh orang-orang Linggi serta bersetuju sechara muafakat dan kebulatan bahawa di Linggi istilah 'perut' itu berarti satu kumpulan waris yang boleh mempesakai pesaka dari sebelah laki-laki dan perempuan. Dengan jalan ini Linggi akan menjadi aman seperti sedia kala.

SUMMARY

Linggi was known for its trade with the interior especially Sungai Ujong and the Linggi River was the highway in and out of this area where tin was found.

The first half of the eighteenth century was the period of Bugis ascendancy. An attack on Linggi helped them to take Rhio, then the centre of the Malay Kingdom of Johore. This Bugis ascendancy was feared by the Dutch whose tin monopoly at Linggi was disregarded and also was envied by the Rhio Malays. The latter forced a group of Bugis people, headed by To' Awaludin and his sister, To' Srilah, to leave Rhio for Rembau and settle at Penajis in 1775.

'Adat Perpatch, a matrilineal law, was already the established custom there and the Bugis could not conform themselves to this custom, for they had a custom of their own (which is now known as 'Adat Linggi), which allowed them to marry relatives on their mother's side (nikah sanak ibu), — a practice which was incest among people of 'Adat Perpatch.

They left for Sungai Ujong. In 1783 they moved to the mouth of the Linggi River where they were allowed by Dato' Kelana Laha to settle and practise their own custom. But after some time they had to return to Rembau. In 1798 Lebai Dolman, a grandson of To' Srilah, persuaded his people to go back to Linggi. This time the Bugis were more successful and Lebai Dolman was made the first Penghulu who was supreme (i.e. Bergajah Tunggal) in his territory.

Four years later he, after having consulted his people, gave his post to his uncle, Juragan Abdul Rahman. In 1820 his son-in-law, Mohd. Attas, succeeded him and was styled Dato' Muda Linggi. After him came Hj. Mohd. Salleh (1850-1870), Hj. Mohd. Peral (1870-1893), and Mohd. Bustam (1893-1912). The early connection of Linggi with Rembau had already come to end and the saying "Beribu ke Rembau, berbapa ke Sungai Ujong" was modified to "Berbapa ke Kelana dan beremak ke Bandar".

From 1912 to 1932 the post of Dato' Muda was vacant. In 1932 the late Dato' Kelana Sungai Ujong intervened and made the Linggi people to have "golaran berperut" — a system of rotation in accordance with 'Adat Perpatih — as the accepted rules of descent. The Linggi people were, and still are, divided into three groups, viz., Perut Solok, Perut Hilir, and Perut Pengkalan. They are classified further into three categories within each of these groups, viz., waris, anak waris, and anak pesaka. "Waris" is of two types; one being 'waris yang pesaka' or descendants from father's side and the other being 'waris yang berpesaka' or descendants from mother's side, who have the right to inherit the title of Dato' Muda Linggi. "Anak waris" are those descendants from the female side and "anak pesaka" are those from the male side.

Che'Gu Hassan bin Pok of Perut Hilir was the first to be appointed Dato' Muda Linggi under the new system by the late Dato' Kelana Sungai Ujong in 1932. Four years later he was succeeded by Syed Ahmad bin Syed Muhammad of Perut Pengkalan and in 1959 Dato' Yahya bin Abu of Perut Solok was made the new Dato' Muda Linggi.

According to R.J. Wilkinson, Dato' Muda Linggi occupies the position of semi-independence and to J.M. Gullick, he does not attend to Dato' Kelana on great occasions. He is said "tinda ber'adat kedudukannya".

Kampong Linggi has three Elders (Orang Besar), viz., Dato' Panglima Besar, Dato' Panglima Perang, and Dato' Laksamana. These Elders are not tribal chiefs (lembaga) but are officers under Dato' Muda. They help Dato' Muda to run the 'Adat Linggi.

The Linggi custom today consists of 'Adat Linggi (as far as marriage and property are concerned) and 'Adat Perpatih. The latter was introduced in 1932 strictly for the purpose of electing Dato' Muda and his Orang Besar. Until then, there was no conscious observance of any accepted rule except by "muafakat dan kebulatan".

PENGHUTUNGAN I


PETA LINGGI

Panduan

----- Sempadan Tajahan

○ Wilayah Linggi
dalam tahun 1798.

Kg = Kampung Sg = Sungai Bt = Bukit



بسم الله

6

من هجرة النبي صلى الله عليه وسلم ٥٨ في ١ كذا ١٤ بولن ذو الحجة يوم الثلاثاء
 وهو لفلان ابنه سودة تذا موافقة دغن كبولاتن دان كوفاتن سكل اهلي واريت دالم ليقل — يائة بلي جال هندو مفيكوت
 سرت مفوكو هج دافد افرا تان عادة فساك بقتله دانستعادة كن اوله يعنوها دهلوكهاي جاعن منجادي كوكوتكن دان كنفسان
 دانس كل اهلي واريت يعامفوت فساك اية — يائة سفاي بول جادي عند تفتكن فيكيران دان ايقاتن بيج كيجيكن دانس سكل
 اهلي واريت مانم بيج مفجوعني فساك دبالا كخ هاريج يعتر كدين — شهر دان جكلو دافول سودة فركار دان فربواتن بيج دالم ببر
 مكل هندو قل دغن مشوار دان موافقة سره كبولاتن دهلوك مكل بهارول بول جادي كن دان دالوكن — دان جل دافول تمبه بيج كيل اعكراي
 دافدا يقد مكلن اين مكلن دياك اية دبواتكن اوله سكل كوفاتن دمكلن دان — مكل تله برافرله مكلن معاكو دغن كسوكان دان كوفاتن
 هاتيسد بري منورنكن تذا تاغن دباو خطر اين بيج تذا بول اعكراي منكي لا كيه سودة بيج دالم ايكاتن سرت كبولاتن يعتر سبة دكلن اين والستاد

عبد الله بن محمد طيب محمد بن خليف حسن ابو دلا بن عبد الصمد
 صهر بن محمد طيب جليل بن محمد بن خليف جليل بن محمد بن خليف
 محمد بن محمد بن خليف جليل بن محمد بن خليف جليل بن محمد بن خليف


محمد بن محمد بن خليف محمد بن محمد بن خليف محمد بن محمد بن خليف
 محمد بن محمد بن خليف محمد بن محمد بن خليف محمد بن محمد بن خليف
 محمد بن محمد بن خليف محمد بن محمد بن خليف محمد بن محمد بن خليف
 محمد بن محمد بن خليف محمد بن محمد بن خليف محمد بن محمد بن خليف
 محمد بن محمد بن خليف محمد بن محمد بن خليف محمد بن محمد بن خليف

PENGHUBUNGAN I

PETA LINGGI

Panduan

- Sempadan Tajahan
- Wilayah Linggi dalam tahun 1798.
- Kg = Kampung Sg = Sungai Bt = Bukit



SENGKATAN DAN SUMBER BACAAN

I. Senzkatan:

dlm	...	...	dalam
jld	...	...	jilid
bil	...	...	bilangan
ms	...	...	muka surat
JMBRAS	...	...	Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society
JSBRAS	...	...	Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society
Y. diP. Muda	...	...	Yang diPertuan Muda.
Y.T.M.	...	...	Yam Tuan Muda
Dato' Lak	...	...	Dato' Laksamana.
Lat. Ilm.	...	...	Latchan Ilmiah.

II. Sumber Bacaan:

Bland, R.H.:	Atoran Sungai Ujong (JSBRAS No.28, 1928).
Gullick, J.M.:	Sungai Ujong (JMBRAS jld. XXII bil.2, 1949).
Mills, J.V.:	Emanuel Godinho de Eredia's 1613 Description of Malacca (JMBRAS jld. VIII bil.1, 1930).
Newbold, T.J.:	Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca, jld.II, 1839.
Parr, C.W.C. & Mackray, W.H.:	Rembau (JSBRAS No.56, 1910).
Raja Ali al-Haj.:	Tuhfat al-Nafis (JMBRAS jld.X bil.2, 1932).
Wilkinson, R.J.:	Sungai Ujong (JSBRAS No.83, 1921)
"	Notes on the Negri Sembilan (Papers on Malay Subjects, bil.5, 1911).
Winstedt, R.O.:	Hikayat Negri Johore (JMBRAS jld.X bil.1, 1932).
"	History of Johore (JMBRAS jld.X bil.1, 1932).
"	History of Negri Sembilan (JMBRAS jld.XII bil.3, 1934).
"	History of Selangor (JMBRAS jld.XII, bil.3, 1934).
Radcliffe-Brown, A.R. & Daryll Forde:	African Systems of Marriage and Kinship, 1958.
Surat Ikhrar Waris-Waris Linggi.	
Utusan Melayu:	keluaran 25.8.1959
"	" 27.8.1959
"	" 12.10.1959
"	" 12. 2.1960
"	" 22. 2.1960
Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negri Sembilan 1959.	